

JUMAAT 30 MAC 2018 (PAGES 27) UNUSAN MALAYSIA



SEBAHAGIAN warga akademik menjayakan majlis pelancaran buku berjudul 'Keusahawanan Sosial Islam: Gagasan dan Perspektif di Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, kelmarin.

Buku *Keusahawanan Sosial Islam: Gagasan dan Perspektif* dilancar

KOTA BHARU 29 Mac - Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) dengan kerjasama Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melancarkan buku berjudul 'Keusahawanan Sosial Islam: Gagasan dan Perspektif' di sini semalam.

Majlis pelancaran buku tersebut disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMK, Prof. Dr. Mohd. Hassan Mohd. Osman.

Buku pertama terbitan PBI mengandungi 11 bab setebal 240 muka surat itu dihasilkan menerusi gabungan idea pemikiran dan penulisan 15 ahli akademik daripada Pusat Pengajian Baha-

sa dan Pembangunan Insaniah serta Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan UMK.

Suntingan buku ini dibuat oleh Pengarah PBI, Dr. Burhan Che Daud dibantu pegawainya, Dr. Nik Yusri Musa dan Ruzaini Ijon.

Turut berlangsung serentak ialah Forum Program Bedah Buku@PBI yang mengulas kandungan buku Keusahawanan Sosial Islam oleh empat orang penulis iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Zain Mubarak, Dr. Marwan Ismail, Prof. Dr. Rafi Yaacob dan Dr. Noor Hisham Md. Nawil.

Sementara itu, Mohd. Hassan berkata, tradisi membaca memang tidak wujud lagi dalam kalangan generasi muda pada

zaman sekarang disebabkan oleh pelbagai faktor walaupun penekanan mengenainya termaktub dalam surah al-Alaq.

Menurutnya, UMK menerusi PBI memainkan peranan yang signifikan dengan suasana semasa untuk memupuk tabiat suka membaca dalam kalangan mahasiswa dengan menganjurkan Program Bedah Buku@PBI bagi membuka minda terhadap pemikiran Islam dalam dunia keusahawanan.

"Program ini bertujuan menggalakkan para pelajar dan orang awam agar mencintai buku untuk meluaskan pengetahuan. Membaca untuk menerokai ilmu.

"Dalam erti kata sebenar be-

dah buku bukan bermaksud *book surgery* tetapi adalah *book review* yang mencungkil isi kandungan yang terdapat pada buku setebal 240 muka surat ini," katanya.

Mohd. Hassan berkata, pengajuran program itu secara tidak langsung dapat meningkatkan dan menggalakkan budaya membaca dalam kehidupan masyarakat serta mengelakkan pembaziran masa lapang dalam kalangan mahasiswa.

Menurutnya, usaha mengislamisasikan dunia keusahawanan dalam kaca mata Islam perlu ditingkatkan menerusi penerokaan ilmu termasuk sirah dan juga kecemerlangan ekonomi pada zaman keagungan Islam.